

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JMG 211 – Geografi Manusia**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan sahaja:

1. Dengan menggunakan aliran-aliran pendekatan yang dicetuskan dalam Geografi Manusia, bincangkan kebenaran pernyataan berikut:

“ .....ketamadunan manusia bakal termusnah sekiranya mereka tidak menunjukkan kemesraan dengan alam sekitar .....”

(Tan Sri Lee Lam Thye, Berita Harian, Rabu, 2 Januari 2008)

(25 markah)

2. Pertambahan penduduk dan ketidakseimbangan dalam proses pembangunan merupakan penjelasan yang rasional kepada berlakunya peningkatan migrasi penduduk di negara-negara sedang membangun. Bincangkan.

(25 markah)

3. Elemen-elemen kebudayaan dalam Geografi Manusia telah dipengaruhi faktor-faktor teknologi sehingga mengubah sistem nilai masyarakat di sesebuah negara. Bahaskan.

(25 markah)

4. “Kepelbagaian pola petempatan dengan identiti tersendiri mencerminkan kebudayaan dan tahap eksploitasi manusia terhadap alam sekitar”. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?

(25 markah)

5. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya klasifikasi pola pembangunan yang berbeza di dunia masa kini.

(25 markah)

6. Sejauh manakah Geografi Manusia berupaya memainkan peranan sebagai mekanisma untuk menganalisis perhubungan manusia-alam sekitar agar melahirkan keharmonian dan kelestarian persekitaran masa kini?

(25 markah)